

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

2

Nasional

Khamis, 30 Mac 2023 BH

PM jamin masalah doktor kontrak selesai dalam 3 tahun

Kerajaan sedia peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan masalah doktor kontrak di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) akan dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa tahun ini.

Perdana Menteri berkata, masalah berkenaan sudah lama berlarutan dan justeru itu, kerajaan sedia ada tidak boleh dibebankan untuk menyelesaikannya dalam tempoh setahun.

Beliau berkata, KKM mener-

ma peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023, iaitu RM36.3 bilion, termasuk peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak bagi lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.

"Kalau kerajaan naik selesaikan semuanya sekali bagi 4,000 (lantikan tetap) yang ditutut, maknanya kita perlukan RM10 bilion setahun, maka tidak mungkin."

"Sebab itu, saya bagi jaminan, tahun ini 1,500 (lantikan), tahun depan atau berikutnya, katakan dalam tempoh tiga tahun, kita boleh selesaikan masalah ini."

"Masalah tertangguh lama, jadi tidak boleh bebankan kita dalam satu tahun untuk selesaikan semua. RM3 bilion itu bukan jumlah yang kecil," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUI) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam.

Pada November 2021, KKM me-

maklumkan, seramai 4,186 daripada 10,583 pegawai perubatan kontrak yang sudah tamat perkhidmatan wajib dengan Kementerian Kesihatan (KKM) ketika itu, sudah dinilai dan diprakui untuk lantikan tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Utama sektor kritikal

Daripada jumlah itu, sebanyak 3,586 membutkan lantikan pegawai perubatan dan masing-masing 300 pegawai pergigian serta pegawai farmasi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pengisian jawatan perkhidmatan awam dalam sektor kritikal, terutama bidang kesihatan dan pendidikan.

"Ini dijangka membabitkan perbelanjaan tambahan sehingga RM800 juta untuk 2023, yang mampu dan boleh kita tumpang untuk satu tahun," katanya.

Mengenai isu perolehan aset



Anwar ketika membentangkan RUU Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam.
(Foto BERNAMA)

tentera udara.

"Tidak payahlah orang politik campur tangan, tidak payahlah banyak sangat ejen. Dia (pihak tentera) putuskan dan kita teliti, dipersetujui dan C2G (kerajaan kepada kerajaan), kita rundingkan dan ini akan menjimatkan kos dan menyelamatkan negara," katanya.

Katanya, kaedah perolehan aset ketenteraan harus berubah susulan masalah perolehan yang berlaku sebelum ini yang boleh menjelaskan keupayaan kesiapsiagaan negara.

"Saya sudah panggil semua ketua di Kementerian Pertahanan dan menyatakan kaedah perolehan harus berubah. Kalau mahu beli kapal, biarkan tentera laut memutuskan sendiri dan kalau kapal terbang, biar

Perdana Menteri berkata, terhadap dua kapal yang berfungsi ketika ini, yang diluluskan pada 1997 ketika beliau menjadi Menteri Kewangan dan semua projek selepas itu, termasuk kapal tempur persisir (LCS) terbengkalai dan lambat siap.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Cadangan nikotin dikeluar daripada senarai barang kena cukai dibantah

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan menolak cadangan mengeluarkan nikotin daripada kawalan di bawah Akta Racun 1952 bagi tujuan kutipan cukai untuk rokok elektronik yang mengandungi bahan itu.

Pegawai Pendidikannya, NV Subbarow, berkata tindakan memberi pengecualian terhadap bahan itu daripada senarai Akta Racun 1952 dikhawatir akan melahirkan lebih ramai penagih nikotin, terutama dalam kalangan generasi muda.

"Mengeluarkan nikotin dari pada Akta Racun 1952 sebelum meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Tembakau akan memberi kanak-kanak akses tanpa halangan kepada penggunaan rokok elektronik (e-rokok) dan vape yang mengandungi nikotin.

"Sudah terdapat ribuan kanak-kanak yang ketagih meng-

hisap e-rokok dan vape yang dijual secara meluas dan tersedia di pasaran pada ketika ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari lalu mengumumkan kerajaan akan mengenakan cukai terhadap produk cecair bagi rokok elektronik yang mengandungi nikotin.

Kesilapan besar

Subbarow menegaskan, tindakan mengeluarkan nikotin daripada Akta Racun 1952 sekiranya menjadi kenyataan adalah satu kesilapan besar dan menggesa langkah untuk memberi kelulusan terhadap cukai rokok elektronik ditangguhan.

Katanya, lebih membimbangkan apabila kerajaan mengumumkan hasrat untuk mengenakan cukai cecair vape bercampur nikotin tanpa mengumumkan



Mengeluarkan nikotin daripada Akta Racun 1952 akan memberi akses tanpa halangan kepada penggunaan rokok elektronik.

kawalan jelas ke atas rokok elektronik dan vape.

"Masalah berkaitan penggunaan rokok elektronik dan vape sudah lama disuarakan masyarakat melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan profesional.

"CAP kesal sekiranya kerajaan akan membenarkan penjualan rokok elektronik secara sah tanpa sebarang mekanisme mengawal rokok elektronik dan vape yang kini dijual secara meluas, malah kepada kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan Tinjauan Kesihatan Remaja oleh Kementerian Kesihatan (KKM), terdapat peningkatan pengguna-

rokok elektronik atau vape dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus pada 2022.

"Ibu ini akan memberi implikasi besar, terutama kepada golongan B40 yang selama ini terbeban masalah merokok dengan tabiat penggunaan e-rokok dan vape di luar bandar adalah menakutkan.

"Justeru, CAP menentang sekeras-kerasnya pengecualian nikotin daripada Akta Racun 1952 sehingga RUU Kawalan Tembakau dan Produk Merokok dengan Penjanjana Berhenti Merokok dibentangkan dan diluluskan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL



KKM tambah kakitangan tangani isu lesu upaya

Kementerian Kesihatan (KKM) berusaha untuk meningkatkan kapasiti kakitangan di fasiliti KKM susulan isu lesu upaya dalam kalangan petugas kesihatan.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukansiman Awang Sauni, berkata perkara itu memerlukan perbincangan teliti kerajaan, membabitkan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

bagi meluluskan perjawatan bersesuaian.

Beliau berkata, buat masa ini, projek khusus di bawah Ketua Setiausaha Negara, iaitu Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) sedang dilaksanakan untuk melihat masalah itu.

"Kita akan kenal pasti bagaimana langkah ke hadapan untuk hospital yang berdepan dengan masalah kesesakan untuk kita memikirkan klinik bersesuaian

dan jumlah kakitangan serta dana yang mencukupi daripada kerajaan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruzzai (PN-Kuala Kedah) mengenai perancangan KKM untuk membawa masuk lebih ramai petugas bagi mengelakkan masalah lesu upaya dalam kalangan petugas kesihatan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : LOKAL

Penderma darah kian kurang

Pengurangan sehingga 25% pada bulan puasa resahkan HSA, mohon individu sihat tampil menderma

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Jumlah penderma darah di negeri ini berkurangan sehingga 25 peratus pada Ramadan dan ia menyebabkan Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru terkesan dengan perkara ini.

Ketuaanya, Dr Mohamad Mizan Gusari berkata, bekalan darah di Johor perlu sentiasa mencukupi sepanjang waktu bagi menampung keperluan prosedur transfusi darah seperti kes kemalangan, pembedahan dan rutin seperti pesakit thalasemia.

"Kami bukan sahaja membekalkan darah kepada pesakit di HSA malah kami turut membekalkan darah kepada empat hospital minor di Johor dan 20 hospital swasta yang mempunyai perjanjian pembekalan.

"Rekod data berbanding tempoh sama pada tahun 2022 menunjukkan berlaku 25 peratus penurunan jumlah kutipan darah pada Ramadan. Kami turut terkesan akibat bekalan darah yang kurang pada bulan puasa," katanya pada kenyataan di sini, semalam.

Menurut Dr Mohamad Mizan, pihaknya berharap, penderma darah konsisten dan penderma darah baru dapat terus menderma menerusi kempen pendermaan darah anjuran HSA sepanjang Ramadan tahun ini.

"Mereka boleh menderma darah di Pusat Pendermaan Darah HSA di Jalan Mah-

moodiah, 'Johor Bahru Blood Donation Suite' di The Mall Mid Valley Southkey atau menerusi kempen derma darah bergerak di seluruh negeri.

"Individu yang sihat dan berumur 17 hingga 60 tahun dialu-alukan untuk menderma darah. Boleh hadir tanpa perlu membuat janji temu di mana-mana lokasi pengajuran kempen derma darah HSA

Dr Mohamad Mizan

kempen derma darah HSA," katanya.

Umat Islam yang berminat untuk menderma darah disaran berbuat demikian sebelum jam 9.30 pagi.

"Setiap beg darah yang di-

dermakan mampu menyelamatkan tiga nyawa," ka-



JUMLAH penderma darah di HSA menurun sehingga 25 peratus sejak Ramadan bermula sekali gus mengundang kebimbangan Pusat Pendermaan Darah hospital berkenaan. - Gambar Jabatan Perubatan Transfusi

tanya.

Bagi Pusat Pendermaan Darah HSA, waktu operasi adalah pada setiap hari (Isnin hingga Ahad) bermula jam 10 pagi hingga jam 6.30 petang.

hingga jam 4 petang, manakala Khamis mulai jam 7.30 pagi hingga jam 2 petang. Untuk lokasi Johor Bahru

Blood Donation Suite, waktu operasi adalah pada setiap hari (Isnin hingga Ahad) bermula jam 10 pagi hingga jam 6.30 petang.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Mogok secara tidak terancang bukan suatu jalan penyelesaian terbaik terhadap sebarang permasalahan yang timbul berkaitan dengan profesion pegawai perubatan atau mana-mana profesional lain, menurut Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sebaliknya, beliau berkata, permasalahan yang timbul perlu ditangani dengan pembabitan bersama-sama serta cara yang lebih berhemah.

"Penganjuran mogok secara amnya boleh menyebabkan sesuatu perkhidmatan terjejas selama mana ia dianjurkan. Lazimnya ia dianjurkan untuk menyampaikan mesej tertentu kepada pihak-pihak

Mogok bukan jalan penyelesaian terbaik

berkaitan.

"Namun, perkara ini perlu ditimbang dengan teliti. Ini memandangkan perkhidmatan kesihatan merupakan suatu perkhidmatan yang kritikal terutama kerana ia membabitkan nyawa manusia dan kesihatan rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada desas-desus akan berlangsung mogok doktor kontrak pada 3 hingga 5 April ini dan laman Instagram DoctorsMalaysia menggesa doktor kontrak seluruh negara tampil menyertai mogok berkenaan atau meletak jawatan secara bebas-ramai pada 1 April.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham memaklumkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai mogok berkenaan malah hanya menerima hebahan melalui saluran media sosial sahaja.

"Justeru, petugas kesihatan yang merupakan aset utama Perkhidmatan Kesihatan perlu terus diberi perhatian sewajarnya, termasuk imbuhan sewajarnya buat perkhidmatan mereka," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA



NOOR HISHAM

Doktor mogok boleh jeaskan perkhidmatan kesihatan

PUTRAJAYA — Kempen mogok doktor kontrak yang dijadualkan diadakan antara 3 hingga 5 April depan disifatkan bukan jalan penyelesaian terbaik sebaliknya berkemungkinan boleh menyebabkan perkhidmatan kesihatan negara terjejas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini, Kementerian Kesihatan (KKM) hanya menerima hebahan mogok itu melalui saluran media sosial dan pihaknya tiada maklumat lanjut.

"Tindakan itu perlu ditimbang dengan teliti kerana perkhidmatan kesihatan adalah suatu perkhidmatan kritikal membabitkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat.

"Saya berpandangan mogok bukan jalan penyelesaian terbaik khususnya jika ia dikaitkan dengan profesi pegawai perubatan atau mana-mana skim profesional lain," katanya menerusi kenyataan akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut Dr. Noor Hisham berkata, setiap permasalahan yang timbul perlu ditangani dengan penglibatan bersama serta cara yang lebih berhemah.

Menurutnya, perkhidmatan kesihatan perlu terus dianggap sebagai sektor kritikal dan tanpa sistem kesihatan utuh negara tidak mungkin boleh terus maju ke hadapan.

"Covid-19 telah mengajar bahawa tanpa sistem kesihatan berdaya tahan, negara tidak mungkin dapat mengawal wabak dengan baik dan orang ramai tidak mungkin meneruskan aktiviti kehidupan seperti biasa.

"Kemakmuran dikecapi kini banyak disumbangkan oleh pakar dan anggota kesihatan di pelbagai peringkat sama ada di sektor Pencegahan atau kesihatan awam maupun di sektor klinikal dan penyelidikan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

Mogok bukan penyelesaian terbaik

Dr Noor Hisham saran pegawai perubatan bincang masalah yang timbul, bukan anjur mogok

KUALA LUMPUR

Mogok secara tidak terancang bukan suatu jalan penyelesaian terbaik terhadap sebarang permasalahan yang timbul berkaitan dengan profesi pegawai perubatan atau mana-mana profesional lain, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sebaliknya, beliau berkata, permasalahan yang timbul perlu ditangani dengan penglibatan bersama serta cara lebih berhemah.

"Penganjuran mogok secara amnya boleh menyebabkan se-suatu perkhidmatan terjejas selama masa ia dianjurkan. Lazimnya ia dianjurkan untuk menyampai-mesej tertentu kepada pihak-pihak berkaitan.

"Namun, perkara ini perlu dipertimbang dengan teliti me-



Doktor lantikan kontrak pada Julai 2022 pernah mengadakan perhimpunan aman Hartal Doktor Kontrak yang menuntut kerajaan supaya memenuhi tuntutan menawarkan pelantikan tetap.

mandangkan perkhidmatan kesihatan merupakan suatu perkhidmatan yang kritis terlalunya melibatkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata demikian sebagai respons kepada desas-desus akan berlangsung mogok doktor kontrak pada 3 hingga 5 April ini dan laman Instagram DoctorsMalaysia menggesa doktor kontrak seluruh negara tampil menyertai mogok berkenaan atau meletak jawatan

secara beramai-ramai pada 1 April.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham memaklumkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai mogok tersebut malah hanya menerima hebatan melalui saluran media sosial sahaja.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan dari masa ke masa telah memberi respons terhadap permasalahan serta permintaan yang ditimbulkan oleh anggota kesihatan antara-

nya mewujudkan perjawatan tetap, penajaan latihan kepakaran atau latihan lanjutan, kenaikan pangkat secara *time-based*, peluang kenaikan ke gred khas dan mewujudkan gred UD56 untuk pakar perubatan dan sebagainya.

Beliau percaya, kerajaan akan memastikan segala permasalahan dan permintaan itu diteliti sesuai dengan isu semasa serta diberi penyelesaian sewajarnya berdasarkan kepada kemampuan ekonomi negara.

"Alhamdulillah, perkhidmatan kesihatan dilihat terus diberi keutamaan, sewajarnya oleh pihak kerajaan sebagaimana yang dapat kita perhatikan melalui Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani. Semoga perkhidmatan kesihatan dapat terus diperkuatkan lagi dalam tahun mendatang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, perkhidmatan kesihatan di negara ini perlu terus dianggap sebagai sektor yang kritis termasuk petugas kesihatan kerana kompleksiti, cabaran, risiko dan jerih perih dihadapi oleh anggota kesihatan dalam menjalankan tugasannya serta tanggungjawab mereka.

"Pandemik Covid-19 telah mengajar kita bahawa tanpa sistem kesihatan yang berdaya tahan, negara tidak mungkin dapat mengawal wabak tersebut dengan baik dan orang ramai tidak mungkin dapat merusak aktiviti kehidupan seperti biasa."

"Justeru, petugas kesihatan yang merupakan aset utama Perkhidmatan Kesihatan perlu terus diberi perhatian sewajarnya, termasuk imbuhan sewajarnya buat perkhidmatan mereka," katanya. - Bernama

MCTC bimbang aktiviti pasaran gelap produk rokok elektronik

SHAH ALAM - Malaysian Council for Tobacco Control (MCTC) bimbang aktiviti pasaran gelap produk rokok elektronik atau vape akan berleluasa berikutan terdapat pengusaha yang ingin mengelak daripada dikenakan cukai.

Timbalan Presiden MCTC, Roslizwati Md Ali berkata, ia susulan hasrat kerajaan untuk mengenakan cukai sebelum mewujudkan Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok serta pelaksanaan Generasi Penamat (GEG).

"Jika tiada bentuk kawal selia atau undang-undang, ia hanya akan memberi peluang kepada industri ini berleluasa tanpa sebarang kawalan."

"Lebih memburukkan keadaan jika tiada kawalan terhadap bahan-bahan yang boleh dimasukkan ke dalam cairan rokok elektronik akan meningkatkan risiko bahan larangan termasuk dadah dicampur bersama," ujarnya dalam satu kenyataan pada Rabu.

MCTC mengeluarkan kenyataan tersebut mewakili 70 organisasi perubatan bukan kerajaan (NGO) bersama badan perubatan dan profesional.

Menurutnya, generasi muda terutama yang lahir selepas tahun 2007

terdedah dengan tabiat buruk itu sekali gus bertentangan dengan hasrat kerajaan mengurangkan penggunaan rokok elektronik dan mewujudkan GEG.

"Masalah tabiat merokok atau *vaping* memberi beban besar kepada kewangan negara sekiranya tidak dibendung secara berkesan lagi di bawah Akta Makanan dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tumbuhan yang sedia ada."

"Kami menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan semula langkah mulakan kutipan cukai ke atas produk rokok elektronik dan vape termasuk yang bernikotin sehingga RUU dan pelaksanaan GEG ini berjaya digubal bersama secara bipartisan oleh ahli-ahli parliment," jelasnya.

Ujarnya, kerajaan sudah tidak

mempunyai alasan lagi untuk melengahkan RUU tersebut kerana majoriti ahli parliment termasuk barisan pembangkang telah menyatakan per-setujuan memberi sokongan.

"Seluruh rakyat Malaysia yang majoriti besar menyokong RUU dan GEG agar dapat bersama-sama mendesak kerajaan segera menggubal undang-undang ini demi kesejahteraan negara," katanya.

KKM didakwa ditekan *little napoleon*

SHAH ALAM - Hartal Doktor Kontrak (HDK) mempersoalkan sama ada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini ditekan oleh *little napoleon* atau diktator kecil.

Ia merujuk kepada sekumpulan kecil penjawat awam yang berusaha menunjukkan kuasa dengan merlunda atau sangga melambatkan sistem penyampaian, perkhidmatan dan pelaksanaan kerajaan.

Dalam ciapan di Twitter pada Selasa, HDK turut meminta pandangan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tentang perkara itu susulan beberapa isu yang timbul.

Antara isu yang dibangkitkan adalah mereka memohon penjelasan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sama ada kadar eluan RM9 sejam bersesuaian pada tahun 2023.

"Tahukah JPA bahawa sistem *on call* bukan bermakna pegawai perubatan boleh balik rumah dan hanya ke hospital kalau ada kecemasan. Kalau JPA minta KKM kaji sistem *on call*, apa cadangan JPA pula?

"Kalau KKM ingin melaksanakan sistem *syif*, sediakah JPA untuk melantik lebih ramai staf atau kakitangan?"

"Kalau tak nak lantik lebih ramai staf, sistem *on call* perlu diteruskan. Berbalik kepada soalan satu, sesuaikan kadar RM9 sejam pada 2023?" soalnya.

Dalam ciapan itu, HDK turut meneplikan satu surat yang antara lain menyatakan KKM telah mengemukakan permohonan kepada JPA berhubung cadangan kenaikan kadar eluan tugas atas panggilan (ETAP) sebanyak 50 peratus daripada kadar bayaran sedia ada pada 24 Jun 2022.

Namun, JPA melalui surat bertarikh 8 Ogos 2022 memaklumkan bahawa permohonan itu tidak dapat dipertimbangkan beraskan beberapa perkara antaranya adalah kadar semasa ETAP masih bersesuaian.

Selain itu, pegawai perubatan turut menikmati pelbagai eluan lain seperti bayaran insentif perkhidmatan kritis, bayaran insentif pakar, eluan bertugas pegawai perubatan selepas waktu pejabat di jabatan kecemasan hospital dan klinik kesihatan serta eluan pembedahan elektif.

Kami juga mohon pandangan DS @anwaribrahim berkenaan isu ini memandangkan KKM sedang ditekan oleh the "little napolean".

Ciapan HDK memohon pandangan PM mengenai beberapa isu yang timbul.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Lapor menerusi imbasan kod QR jika makanan dibeli busuk atau basi

KUALA TERENGGANU - Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) meminta orang ramai membuat aduan secara terus kepada jabatan tersebut sekiranya ada terbeli makanan basi, tidak masak sempurna atau berbau busuk sepanjang Ramadan.

Pengaruhnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, aduan itu bagi membolehkan siasatan dan tindakan lanjut dapat diambil terhadap peniaga tidak beretika berkenaan, sekali gus mengelak berlakunya



DR KASEMANI

kejadian keracunan makanan. Menurutnya, orang ramai boleh menyalurkan maklumat lengkap seperti lokasi kedai, gambar dan video makanan kepada pejabat kesihatan daerah berhampiran atau melalui imbasan kod QR yang disediakan di 61 lokasi bazar Ramadan di lapan daerah Terengganu.

"Sekarang kita sudah mudahkan urusan pengguna untuk buat sebarang aduan dengan hanya scan kod QR yang disediakan di setiap bazar Ramadan," katanya di sini pada Rabu.

Sebelum ini, tular dalam media sosial mengenai kekecewaan beberapa pelanggan yang berkunjung ke bazar Ramadan apabila lauk dibeli mereka tidak masak dengan sempurna selain makanan berbau busuk dan basi.

Mengulas lanjut, Dr Kasemani berkata, setiap pengendali makanan perlu mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan di bawahnya bagi memastikan makanan yang disediakan dan dijual adalah selamat.

Sehubungan itu, katanya, JKNT melalui 366 anggota penguat kuasanya akan meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan di semua bazar Ramadan

berdaftar serta tidak berdaftar sepanjang Ramadan kali ini.

"Sejak 1 Ramadan hingga Isnin lalu, sebanyak 827 premis bazar Ramadan di seluruh negeri sudah diperiksa oleh JKNT. Kita berjaya mengesari beberapa kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

"Antara kesalahan itu adalah pengendali makanan dan pekerja tidak mendapat suntikan anti-typoid, belum menghadiri kursus latihan pengendali makanan selain pengendali makanan tidak mengamalkan kebersihan diri," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Isu doktor kontrak selesai tiga tahun lagi - Anwar

Oleh ASLINDA NASIR
 Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan isu doktor kontrak dapat diselesaikan dalam masa tiga tahun lagi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia ada tidak boleh dibebankan dengan masalah berlarutan sejak sekian lama, justeru perlu diselesaikan dalam masa terdekat.

"Kalaupun kerajaan nak selesaikan semuanya sekali bagi 4,000 (lantikan tetap) yang dituntut, maknanya kita perlukan RM10 billion setahun. Maka, tidak mungkin."

"Sebab itu, saya bagi jaminan, tahun ini 1,500 (lantikan). Tahun depan atau berikutnya, katakan dalam tempoh tiga tahun, kita boleh selesaikan masalah ini."

"Masalah tertangguh lama. Jadi, tidak boleh bebankan kita dalam satu tahun untuk selesaikan semua. RM3 billion itu bukan jumlah yang kecil," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam.



ANWAR Ibrahim membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 di Dewan Negara, semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN

Pada November 2021, Kementerian Kesihatan memaklumkan, seramai 4,186 daripada 10,583 pegawai perubatan kontrak yang sudah tamat perkhidmatan wajib dengan Kementerian Kesihatan (KKM)

ketika itu, sudah dinilai dan diperakui untuk lantikan tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dari pada jumlah itu, sebanyak 3,586 membabitkan lantikan pegawai perubatan dan

masing-masing 300 pegawai penggian serta pegawai farmasi.

Anwar berkata, Kementerian Kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023, iaitu RM36.3 billion termasuk peruntukan RM3 billion setahun untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak bagi lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai penggian dan pegawai farmasi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pengisian jawatan perkhidmatan awam dalam sektor kritis, terutama bidang kesihatan dan pendidikan.

"Ini dijangka membabitkan perbelanjaan tambahan sehingga RM800 juta untuk 2023, yang mampu dan boleh kita tumpang untuk satu tahun," katanya.

Terdahulu, kerajaan bersetuju melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu RM8,000 bagi simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sehingga tahun depan.

Anwar berkata, keputusan itu dibuat susulan keresahan yang dibangkitkan rakyat dan teguran kepada kerajaan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

RUU kawalan tembakau dan merokok 2022 dibentangkan Mei ini

KUALA LUMPUR : Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 akan dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat Mei ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, ini kerana RUU berkenaan tidak sempat dibentangkan pada persidangan kali ini.

"Kita dalam usaha mempercepatkan pembentangan (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan

Merokok, ia akan dibuat secepat mungkin dan kalau dapat, sesi akan datang kita akan cuba" katanya dalam sidang akhbar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi selepas mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Agenzia Nasional Malaysia Sihat di bangunan Parlimen, semalam.

Beliau dalam masa yang sama turut berkata, kerajaan juga kini dalam proses untuk melaksana-

kan cukai terhadap rokok elektronik, vape (vape tax).

Pembentangan RUU itu tertangguh akibat pembubaran Parlimen pada 10 Oktober tahun lalu.

Julai tahun lalu, Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi mengesyorkan penguatankuasaan larangan merokok kepada individu yang lahir pada 2007 dan ke atas atau GEG ditangguhkan selama tiga tahun.



AHMAD Zahid Hamidi (kanan) ketika mempengerusikan mesyuarat mengenai Agenda Nasional Malaysia Sihat di Bangunan Parlimen semalam. Turut sama, Zaliha Mustafa (kanan) - JABATAN PENERANGAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kecewa tiga kali pembedahan tertangguh

ALOR SETAR: Seorang guru kecewa dengan perkhidmatan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini apabila pembedahan bagi mengeluarkan batu karang pada buah pinggang kanannya tertangguh buat kali ketiga sejak dua tahun lalu disebabkan alasan yang sukar diterima.

Menurut Azliyati Zainol, 51, dia mula didiagnosis menghidap penyakit tersebut pada 2021 setelah doktor memaklumkan batu karang tersebut sudah sebesar lima sentimeter ketika itu.

Selepas beberapa rawatan susulan katanya, dia diberikan borang mendaftar masuk ke wad pada 20 Julai 2021 bagi menjalani pemeriksaan untuk dibedah dua hari kemudian.

"Namun pihak hospital telefon dan maklumkan pembedahan ditunda kerana tarikh itu jatuh pada Aidiladha. Saya diberikan borang tertera tarikh baharu iaitu 22 Oktober 2022 untuk masuk wad dan 24 Oktober tarikh pembedahan.



AZLIYATI Zainol bersama suami, Baharudin Bakar menunjukkan borang kemasukan ke wad HSB yang diterima setelah pembedahan tertangguh sebanyak tiga kali.

"Saya sekali lagi dihubungi pihak hospital mengatakan ia perlu ditangguhkan kerana 24 Oktober merupakan Hari Deepavali," katanya di sini semalam.

Jelasnya, dia diberikan satu lagi borang tertera tarikh 28 Mac 2023 untuk dimasukkan ke wad

bagi menjalani pembedahan yang sepatutnya pada hari ini. Jelasnya, dia hadir bersama suami, Baharudin Bakar, 55, ke hospital pagi kelmarin untuk mendaftar ke wad.

"Namun sekali lagi hampa. Setelah sekian lama menunggu,

kami dimaklumkan nama saya tiada dalam senarai untuk pembedahan. Mereka beri pula tarikh baharu iaitu 23 September ini untuk saya dimasukkan ke wad dan dibedah dua hari selepas itu," katanya.

Tambahnya, keadaan itu amat mengecewakan kerana setiap kali hadir bagi mendapatkan tarikh masuk ke wad dan pembedahan, namanya akan dicatatkan ke dalam buku log.

"Jadi bagaimana mereka boleh katakan nama saya tiada dalam senarai? Untuk dua tarikh pembedahan awal yang jatuh pada cuti umum itu juga bukannya saya pilih sebaliknya pihak hospital yang tetapkan.

"Saya bimbang kerana pembedahan ini tertunda hampir dua tahun sedangkan pada 2021, saiz batu karang itu sudah lima sentimeter," katanya.

Utusan Malaysia akan mendapatkan maklum balas daripada HSB mengenai perkara menimpa Azliyati.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS / PARLIAMENT

BATTLING COVID-19

Only 2.5pc of population have taken 2nd booster, says Zaliha

ONLY a little over two per cent of the population have taken the second booster shot for Covid-19.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said 815,040 people, or 2.5 per cent of the population, had taken the second booster shot up to Feb 1.

"A total of 27,544,563 people have completed their primary vaccination, and about half of the population, or 16,319,486 people, have taken the first booster shot."

"The adult population aged 18 and above, totalling 23,140,383, or 98.4 per cent, have completed the primary doses."

"A total of 16,253,130 people, or 69.1 per cent, have received the first booster dose and 814,561 people, or 3.5 per cent, have received the second booster dose," she said in a written reply to Datuk Dr Alias Razak (Perikatan Nasional-Kuala Nerus).

As for adolescents aged 12 to 18, she said 2,858,927, or 91.9 per cent, had completed the primary dose and 60,414, or 1.9 per cent, had received one booster dose.

She said for children aged 5 to 12, 1,545,253, or 43.5 per cent, had



A man getting a Covid-19 booster shot at a clinic in Kuala Lumpur in January. FILE PIC

completed their primary vaccination.

She said those who wanted to get Covid-19 booster shots could book their appointments via the MySejahtera app, adding that vaccination centres also offered walk-in booster vaccination for high-risk groups.

She said clinics and hospitals that operated as vaccination centres could offer booster shots to patients seeking treatment for other illnesses.

Dr Zaliha said vaccination centres could also offer the vaccines without waiting to fulfil the

required quota.

"For example, there is no need to wait until there are six vaccine recipients in order to open a vial of the Comirnaty type of vaccine."

Social media and mainstream media would be used to disseminate booster shot-related messages, she said.

"The government will also report Adverse Effects Following Immunisation (AEFI) periodically on the National Pharmaceutical Regulatory Division's website to provide information on AEFI events."

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEWS / NATION

PHARMANIAGA FINANCIAL CRISIS

CONCERN OVER MEDICINE SUPPLY

MMA suggests govt allow other providers to supply public healthcare medications

NUR ZARINA OTHMAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Malaysian Medical Association (MMA) has suggested that the government take into con-

sideration the idea of allowing other providers to supply and distribute medicines to the public healthcare system, as relying on a single provider is risky.

Its president, Dr Muruga Raj Rajathurai, warned that the current Pharmaniaga situation could significantly affect the nation's supply of public healthcare medications.

"We do not wish for any suppliers to reduce or stop their supplies of medicines to Pharmaniaga for public healthcare facilities.

"However, if the issue is prolonged, these suppliers may be left with no other option as they

too may be running into losses if outstanding payments are not settled.

"The supply of essential medicines (medicines to treat emergencies and acute cases) can be affected if such a scenario were to happen," he said in a statement yesterday.

Pharmaniaga, the sole provider of medical supplies to government-run healthcare facilities, disclosed last month that it had been designated as PN17 after recording its largest-ever quarterly net loss of RM664.39 million in the fourth quarter ending Dec 31, 2022.

Dr Muruga Raj acknowledged

that it would take time for the change to be put into effect, but insisted that actions must be taken to guarantee the public had access to sufficient medication.

"Emergency cases, as well as patients relying on public healthcare for a continuous supply of medicines will be among the most affected," he said.

Pharmaniaga had disclosed that it had written off the goodwill of its cash-generating Indonesian manufacturing units worth RM50.3 million in addition to an impairment charge of RM552.3 million on unsold Covid-19 vaccines.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Change focus to keep dengue at bay, say health experts

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: There must now be a shift away from Covid-19 towards tackling dengue across the entire spectrum to ensure the disease is kept under check, say health experts.

Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said the people have become too complacent over the vector-borne disease and put too much emphasis on Covid-19, causing a loss of focus on dengue.

"Dengue has been a long-standing issue, but now we see neglect across the board due to the pandemic. We have to pay more attention, detect cases quickly, and also try to destroy the breeding of Aedes mosquitoes."

"There have been many (suspected) cases reported by those in primary healthcare and general practitioners."

"We have seen cases of fever,



No to dengue: Stagnant water like the one at this playground is a perfect place for Aedes mosquitoes. — FAIHAN GHANI/The Star

upon which, when we then do blood tests, we see a low blood (red cell) count and positive serology tests," he told *The Star* yesterday.

Despite efforts over the years to tackle dengue, the oversight as a

result of Covid-19 must be addressed, said Dr Raj Kumar in response to the massive 223% spike in dengue cases in Malaysia this year up to March, compared to the same period last year.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi announced on Tuesday that the number of dengue-related deaths had increased by more than 300% from four last year to 17 this year.

Malaysian Public Health Physicians Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar said that dengue has been endemic in the country for a few years now.

However, every few years, the cycle spikes, causing a huge increase in cases, he said.

"This is due to the widespread natural phenomenon, humans making pools for Aedes breeding, and the lackadaisical attitude of our population towards dengue.

"We need an effective and efficient integrated control of two elements: the environment control to reduce or eliminate breeding places, and secondly, effective case or outbreak tracing and control by the Health Ministry and local authorities," he said.

Dr Zainal added that more responsibilities could also be given

to local authorities and the Environment and Climate Change Ministry in the fight against dengue.

Universiti Malaya expert in epidemiology and public health, Prof Dr Sanjay Rampal said it was important to invest more in detecting and treating cases earlier as well as preventing dengue-related deaths.

"The reactivation of the Cabinet Committee to Combat Dengue is a good step towards an all-of-society approach towards the prevention and control of dengue infections.

"However, I am unsure of the 'zero dengue target' as zero deaths from dengue is more likely than zero new cases," he said.

According to the iDengue site, a total of 27,150 cases of dengue have been recorded in the country from Jan 1 to March 28, with Selangor contributing almost half (13,976).

This is followed by Sabah (2,754), the Federal Territory of Kuala Lumpur (2,502), Penang (2,226), and Johor (1,822).

At present, there are 2,785 active outbreak localities.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Endgame Bill to be tabled

Plan to end smoking to go on despite tax on vape products



All smiles: Dr Zalihah posing with Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (left) before the ANMS meeting at the Parliament building yesterday.
— Bernama

THE tabling of the Tobacco and Smoking Control Bill, or Generational Endgame (GEG) Bill, will be expedited despite objection to the planned tax on all vape products, says Dr Zalihah Mustafa.

The Health Minister said the government was aiming to table the Bill as soon as possible in the Dewan Rakyat.

"The government is aware of the planned vape tax and we are in the midst of expediting the Bill."

"If not during this session, it will be during the next one," she told reporters during a press conference after attending the Agenda Nasional

Malaysia Sihat (ANMS) Cabinet committee meeting yesterday.

The Malaysian Council for Tobacco Control (MCTC) had opposed the planned tax on all vape products before the Tobacco and Smoking Control Bill became law.

MCTC, which comprises 70 NGOs, professional bodies and medical associations, said the tax would run counter to the government's intention to create a smoke-free generation of Malaysians by 2040.

"The vape tax should only be introduced after the GEG Bill is passed in Parliament and all vape products are regulated," said MCTC

in a statement earlier.

Under the Bill, children born in 2007 and subsequent years will be prohibited from smoking, buying or possessing any type of smoking product, including electronic cigarettes or vape products, even after reaching the age of 18.

When tabling the revised Budget 2023 on Feb 24, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said nicotine vape liquids are still illegally sold with an estimated RM2bil or more in sales.

Therefore, the government proposed a tax on nicotine-based products used in electronic cigarettes,

with half of the excise duties channelled to the Health Ministry in support of the GEG Bill.

On a separate matter, Dr Zalihah said the ministry was still in discussion with Pfizer Sdn Bhd about Covid-19 bivalent vaccines.

"God-willing, once we have completed it, we will announce when it will be distributed," she said.

On Jan 2, she was reported as saying that the Covid-19 bivalent vaccines would be supplied to the country soon, following the approval of the conditional registration given by the Drug Control Authority.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Yearly health checks for MPs, says Zahid

KUALA LUMPUR: Starting from May, all members of the Dewan Rakyat, from both the government and opposition, will need to undergo a health check once a year.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the matter was among the items decided in the *Agenda Nasional Masyarakat Sihat* Cabinet Committee meeting, which he chaired yesterday.

The committee has recommended that health checks be held once a year when the Dewan Rakyat session is held at the Parliament building. My fellow ministers and myself will volunteer for it.

"This is after taking into account that a total of nine elected representatives, comprising MPs and assemblymen, died while serving in 2018 to 2020 due to non-communicable diseases, such as kidney

complications and heart attacks," he said at a press conference, which was also attended by Health Minister Dr Zaliha Mustafa at the Parliament building here yesterday.

Ahmad Zahid added that members of the Senate may also be considered for the health checks.

"We are not superseding Allah's law, but as I said before, prevention is better than cure."

According to him, the matter was also proposed by Dewan Rakyat Speaker Datuk Johari Abdul at the meeting.

The deputy prime minister said among other things that were also decided was the continuation of the National Health Promotion Campaign to increase knowledge and awareness, and to cultivate a healthy living culture among the people.

The National Health and Morbidity Survey

in 2019 found that one in five Malaysians had diabetes, three in 10 had high cholesterol and one in two were overweight.

"The increase in diseases as a result of unhealthy lifestyles puts great pressure on the health system and the country's spending."

He added that incentives and recognition will be given to community health agents, known as MyChampion, to enhance the motivation and commitment of the community.

The committee was approved in 2020 to focus on four core areas - Strengthening the promotion of healthy living culture, Strengthening health well-being services, Empowering self-health control and Strengthening environmental cleanliness. - Bernama

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'Govt should not deregulate liquid nicotine'

► Removing substance from scheduled list will exacerbate addiction issues, says think tank

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: A government proposal currently under consideration to exclude liquid or gel nicotine from the list of controlled substances under the Poisons Act 1952, should not proceed as it contravenes public health priorities, said non-party think tank, Galen Centre for Health and Social Policy CEO Azrul Mohd Khalib, adding that the very consideration is "a shocking development".

"On Jan 25, we issued a statement stating that as it is, vape in Malaysia remains unregulated, unrestricted, and out of control. Some 4.9% of the population currently vape and this number is rising by the day."

"While there continues to be less than 2% of smokers, who are young women, they now make up more than 30% of those who vape. The estimated number of new vapers has also overtaken the number of new smokers."

Azrul said as of today, vape is unregulated, and in the absence of the proposed Tobacco and Smoking Control Bill, there is a massive

gap in existing legislation on the marketing and sale of products containing nicotine, specifically vape and e-cigarettes, and this is a danger to the health and wellbeing of Malaysians.

"Removing nicotine from the scheduled list of controlled substances, while having no regulatory replacement will negate any attempt to control the nicotine content of these products."

"Cheap vape disposables containing high concentrations of liquid nicotine will flood the market."

He stressed that the nicotine content of vape products in the country is among the highest in the world and that a person will usually inhale between 1mg and 3mg of nicotine from a single cigarette.

"Having 16mg per ml of nicotine is approximately 1.6% nicotine. In the UK, Europe, the US and Indonesia, where vape is regulated and taxed, the maximum strength permitted is only 20mg or 2%."

"However, in Malaysia, vape liquids in a single disposable are available in 3%-5% concentrations. Vape disposables with 5%

nicotine are easily available in this country for between RM10 and RM20."

"You cannot get these in most countries which regulate and tax vape. Removing nicotine from the scheduled list will exacerbate the problem of nicotine addiction in Malaysia."

Azrul said vape and e-cigarettes are part of the nicotine addiction problem. Vapers find that though they may have stopped smoking cigarettes, their addiction has transferred to e-cigarettes and vape.

"Some will be dual users, where they smoke both tobacco and e-cigarettes. Stop smoking clinics are already seeing patients who are both smoking cigarettes and vaping."

"The age of those becoming addicted to nicotine through vape is also getting younger. Children as young as 10 are becoming addicted to nicotine."

Azrul said the solution to overcoming opposition and controversy presented by the Tobacco and Smoking Control Bill should not be to remove nicotine altogether from being regulated under this legislation.

"It does not make sense and is against public health priorities."

"If the government is serious about regulating and taxing vape and e-cigarettes, it should drop this proposal and look instead to tabling and passing a revised version of the Tobacco and Smoking Control Bill."



FITNESS TEST

... A participant uses an interactive exercise bike that can examine bone and joint health at a Movement Matters Challenge organised by IHH Health Care at Gurney Plaza in Penang yesterday.
 - MASRY CHE ANI/THESUN

Strike not solution to issues, says Health DG

KUALA LUMPUR: An unplanned strike is not the best solution to problems that arise related to the medical profession or any other profession, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the problems that arise need to be dealt with in a more prudent way through joint involvement.

"This matter needs to be considered carefully. Health services are critical, especially since it involves human lives and the wellbeing of the people," he said in response to rumours that there will be a strike by contract doctors from April 3 to 5 and the DoctorsMalaysia Instagram page has urged contract doctors nationwide to join the strike or resign en masse on April 1.

Noor Hisham said the Health Ministry did not have any additional information about a

strike and has only seen the announcement on social media.

He said the government has from time to time responded to the issues and demands raised by health workers, including creating permanent staffing, sponsoring specialist training or advanced training, time-based promotions, opportunities to be promoted to special grades and creating an UD56 grade for medical experts and so on.

He believes the government will ensure all problems and requests are evaluated in accordance with current issues and given appropriate solutions based on the country's economic capability.

"Alhamdulillah, health services continue to be given due priority by the government as we can see through Budget 2023: Developing Malaysia Madani. Hopefully health services

can be further strengthened in the coming year."

Noor Hisham added that health services in the country must continue to be considered a critical sector, including healthcare workers, because of the complexity, challenges, risks and hard work that healthcare workers face when carrying out their duties and responsibilities.

"Covid-19 has taught us that without a resilient healthcare system, the country might not have been able to control the spread of the pandemic well and people would not have been able to carry on with their lives."

"Therefore, healthcare workers, who are the main asset of healthcare services need to continue to be given due attention, including appropriate remuneration for their services."

- Bernama